

05 APR 2001

E-Village (bergambar)

KEJAYAAN E-VILLAGE BERGANTUNG KEPADA KANDUNGAN

PUTRAJAYA, 5 April (Bernama) -- Seorang anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) mencadangkan agar kerajaan Malaysia melihat ke akar umbi untuk mendapatkan kandungan yang sesuai bagi Perkampungan Hiburan (E-Village) untuk kemajuannya secara berterusan.

James Griffin dari Vancouver Film School berkata kandungan untuk E-Village itu merupakan antara tajuk yang dibincangkan oleh 12 anggota IAP dalam pertemuan mereka selama satu jam dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Beliau berkata bahawa mencipta kandungan bukan satu proses yang mudah.

Griffin mencadangkan agar langkah pertama dilakukan di peringkat bawahan dengan memenuhi selera tempatan dahulu sebelum ianya dapat mencapai tahap dunia.

"Kandungan nampaknya satu topik yang besar. Langkah seterusnya ialah mencari dan membentuk satu pasukan kreatif yang kuat di Malaysia," katanya.

Projek E-Village itu dijangka siap pada 2007 dan akan menjadi pusat bagi menghasilkan produk dan perkhidmatan hiburan berteknologi tinggi.

Seorang lagi anggota IAP, Presiden India Digital Studio, Padmashri K.Balachandar berkata untuk menarik industri filem asing, Malaysia perlu membuat promosi meluas untuk E-Village.

"Perlu ada iklan di peringkat global untuk menentukan semua yang terlibat dalam industri filem tahu mengenainya," katanya.

Balachandar juga berkata beliau mencadangkan kepada Perdana Menteri agar lebih banyak insentif diberikan kepada industri filem Melayu kerana E-Village mampu membantu meningkatkan martabatnya.

-- BERNAMA

ZAI AHH MAI